

# Ladang, lombong tiada kaitan - TPM

Oleh ZAAIN ZIN  
dan AIMUNI TUAN LAH  
pengarang@utusan.com.my

■ GUA MUSANG 14 JUN

KRISIS kesihatan membabitkan penularan penyakit radang paru-paru dalam kalangan penduduk Orang Asli suku kaum Batek di Kampung Kuala Koh, di sini bukan berpunca daripada aktiviti perladaangan atau perlombongan di situ.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, keputusan analisis dikeluarkan Jabatan Kimia semalam mendapati sumber air di kawasan itu secara keseluruhan mematuhi standard kualiti air minum kebangsaan bagi air mentah.

Malah kata beliau, satu lagi keputusan terbaharu diterimanya pagi ini mendapati tiada pencemaran daripada sisa ladang kelapa sawit menerusi penggunaan racun serangga perosak atau racun rumpai.

"Jabatan Alam Sekitar turut mengesahkan tidak terdapat sebarang kejadian pelepasan sisa dari perlombongan mangan di Aring 10 yang terletak tiga kilometer dari perkampungan Orang Asli Kuala Koh," katanya dalam sidang akbar di sini hari ini.

Terdahulu, Dr. Wan Azizah mendengar taklimat tertutup serta menyampaikan sumbangan kepada masyarakat Orang Asli suku Batek di Pusat Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di Dewan Felida Aring 10 di sini hari ini.



DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL menyampaikan bekalan makanan kepada penduduk Orang Asli Kuala Koh di Gua Musang, semalam. Turut hadir Saifuddin Nasution Ismail. - BERNAMA

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator P. Waytha Moorthy dan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar.

Timbalan Perdana Menteri dalam pada itu memberi jaminan bahawa Kementerian Kesihatan akan berusaha mengesan *trigger point* (faktor pencetus) sebenar kepada penularan penyakit tersebut yang boleh disifatkan sebagai fenomena baharu terhadap masyarakat Orang Asli di situ.

Tidak menolak kemungkinan perkara itu berpotensi menjadi wabak, beliau berkata, langkah mengehadkan pergerakan ke-

luar penduduk tempatan dan orang luar yang keluar masuk di kawasan terjejas telah dilakukan bagi membendung penularan penyakit tersebut.

"Orang Asli diketahui mempunyai daya ketahanan yang kurang terhadap penyakit seperti ini tapi mereka sudah lama begitu. Apa sebenarnya yang mencetuskan radang paru-paru ini, kita belum kenal pasti."

"Setakat ini, (ujian) tibi negatif, air kencing tikus negatif, mikroorganisma seperti parasit negatif. Tinggal (ujian) virus (belum) dan ini susah sikit, ia mengambil masa agak lama. Biar yang pakar si-sat dahulu. Saya fikir mungkin dalam masa dua tiga hari lagi," katanya.